

Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul Platform Terbaik Memperkasakan Bahasa Melayu

Wijaya Kamal Bin Ramlan

Anisa Binti Hj Assan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

Program Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul telah diadakan pada 28 Oktober 2024-23 Disember 2024 baru-baru ini. Program ini merupakan kerjasama di antara Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Negeri Sabah. Terdapat pelbagai pengisian program yang telah dijalankan antaranya termasuklah Siri Cakna Bahasa, Tiktok Resensi Buku, Sembang Santai: Sayangi Bahasa, Cintai Negara, Pertandingan Teka Silang Kata Ekonomi serta Sayembara Penulisan Esei Bahasa Melayu. Program selama lebih kurang hampir dua bulan ini telah menarik minat dan penyertaan daripada mahasiswa IPTA dan IPTS seluruh Malaysia. Terdahulu di dalam ucapan perasmian penutupan program yang disampaikan oleh Dr Jakaria Dasan, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, FPEP UMS menyatakan penggunaan bahasa Melayu yang betul diperlukan khususnya di dalam media sosial, urusan akademik dan aktiviti sosial pada hari ini khususnya oleh mahasiswa itu sendiri. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Negeri Sabah, Puan Jennitah Noordin di dalam ucapan beliau menyatakan bahasa Melayu merupakan identiti kebangsaan, memiliki peranan yang besar dalam memperkukuh perpaduan negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Penglibatan semua pihak di universiti khususnya mahasiswa memberikan makna yang besar dalam usaha memalar segarkan kecintaan, kecaknaan dan pemantapan penggunaan bahasa melayu yang terampil.

